

FAKTOR-FAKTOR KELAHIRAN MASALAH SIFAT DALAM ILMU AL-KALAM

MUDASIR ROSDER
Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDAHULUAN

Masalah sifat adalah merupakan masalah yang banyak dibicarakan oleh orang-orang Islam sejak dari zaman al-Tabi'in hingga dewasa ini, dan kemuncaknya perbincangan antara aliran al-Mutazilah dengan aliran al-Ash'irah. Kedua-dua pihak telah berusaha untuk menegakkan pendapatnya dengan berbagai cara walaupun dengan menggunakan kaedah dan ilmu falsafah Greek bagi mengukuhkan pendapat-pendapat itu, sehingga berlaku percampuran antara ilmu Akidah Islam dengan ilmu Falsafah Greek, sama ada dari aliran Mu'tazilah atau al-Ash'irah. Mereka mengambil pendapat itu bertujuan untuk menguatkan pendapat mereka sebagaimana yang banyak dilakukan oleh aliran al-Mutazilah. Demikian juga bagi tujuan untuk menolak pendapat-pendapat itu sebagaimana yang banyak dilakukan oleh aliran al-Ash'irah.

Di dalam rencana yang ringkas ini, penulis cuba mengemukakan faktor-faktor kelahiran masalah sifat di dalam ilmu al-Kalam. Secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu: faktor yang datangnya dari dalam yakni dari ajaran Islam dan masyarakat Islam, dan faktor-faktor yang datangnya dari luar daripada Islam, iaitu sama ada orang-orang Islam mengambil pendapat-pendapat itu atau menolaknya.

FAKTOR-FAKTOR DALAMAN

Terdapat beberapa faktor dalaman yang menyebabkan kelahiran masalah sifat di dalam ilmu al-Kalam.

AL-QUR'ĀN MENGGALAKKAN MANUSIA BERFIKIR

Al-Qur'ān melarang keras manusia dari bertaklid di dalam masalah-masalah yang salah, terutama di dalam masalah yang berhubung dengan akidah, antaranya:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمْ كَثِيرًا مِنَ الْجِنِّ وَالْأَنْسَلِيمْ قُلُوبٌ لَا يَخْتَهِنُ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يَبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَذْانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا اولئكَ كَا لَانْعَامٍ بِلَّا يَهُمْ أَفْلَى
(al-Qur'ān, Sūrah al-A'rāf, 7:179.)

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَبْعَوْا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا
بَلْ نَتَبَعُ مَا فِي نَاصِرٍ عَلَيْهِ آبَائُنَا أَوْ لَوْ
كَانَ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

(al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:170.)

Di samping itu al-Qur'an menggalakkan manusia untuk berfikir dan melihat segala kejadian alam semesta sebagaimana firman Allah:

قُلْ انظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَمَا
تَفَنَّى الْأَيْتُرُ وَالسَّدْرُ عَنْ قَمَّ لَا يَعْقِلُونَ ۝

(al-Qur'an, Surah Yūnus, 10:101.)

قُلْ إِنَّمَا اعْظَمُكُمْ بِوَاحِدَةٍ أَنْ تَقُولُوا لِلَّهِ مِنْنِي
وَفِرَادِي ثُمَّ تَنْفَكِرُوا ، مَا بِصَاحِبِكُمْ مِنْ جُنْحَةٍ إِنْ
هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَكُمْ بَيْنَ يَدِي عَذَابٍ شَدِيدٍ ۝²

(al-Qur'an, Surah Saba', 34:46.)

Banyak lagi ayat-ayat yang menggalakkan manusia supaya berfikir.

AYAT-AYAT MUHKAM DAN AL-MUTASHĀBIHĀT

Terdapat di dalam al-Qur'an ayat-ayat yang berhubung dengan masalah sifat, ada yang *muhkam* dan ada yang *mutashabih* berdasarkan kepada ayat al-Qur'an:

" هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ مِنْهُ آيَتٌ مُحْكَمٌ هُنَّ أَمْ
الْكِتَبُ وَآخِرٌ مُتَشَبِّهٌ ، فَمَا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَبَغَ
فَيَتَبَعُونَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفَتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ ، وَمَا
يَعْلَمُ تَأْوِيلُهِ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ
إِنَّمَا بِهِ كُلُّ مَنْ عِنْدَ رِبِّنَا ، وَمَا يَذَكِّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ "

(al-Qur'an, Surah Ali 'Imrān, 3:7.)

Di antara ayat-ayat yang *muhkam* ialah:

٠٠٠ لَيْسَ كَمِثْلَهُ شَيْءٌ ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

(al-Qur'an, Surah al-Shura, 42:11)

”قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ • اللَّهُ الصَّمَدُ •

(al-Qur'ān, Sūrah al-Ikhlas, 112:1.)

الله لا اله الا هو الحى القيوم لا تأخذه سنة
ولا نوم ، له ما فى السموات وما فى الارض من
ذالذى ينفع عنده الا باذنه يعلم ما بين
ايديهم وما خلفهم ولا يحيطون بشئىء" من علمه
الا بما شاء

(al-Qur'an, Surah al-Baqarah, 2:255.)

Di antara ayat-ayat yang menunjukkan kepada *al-mutashabihat* ialah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(al-Qur'an, Surah al-Fath, 48:10.)

الجفن على المشاهد

(al-Qur'an, Surah Tâhâ, 20:5.)

Yang menjadi persoalan di dalam ayat yang pertama ialah sama ada hendak diwakafkan di kalimat “Allah” yang bererti bahawa ayat-ayat *al-mutashabihat* itu hanya Allah sahaja yang mengetahuinya, atau hendak diwakafkan pada kalimat *al-Rásikhun*” yang bererti bahawa *al-rasikhun* juga mengetahui makna ayat-ayat itu.

Masalah wakaf ini menjadi perselisihan pendapat di kalangan ulama dan seterusnya memberi kesan kepada perselisihan pendapat di dalam masalah sifat.

Ibn Khaldun berpendapat tentang hubungan antara ayat-ayat *al-mutashabihat* dengan masalah sifat:

Terdapat di dalam al-Qur'an ayat-ayat yang mensifatkan Allah dengan *tanzih mutlaq* yang jelas dan terang dengan tidak memerlukan kepada takwil, ayat itu ialah ayat penafian, maka wajib beriman dengannya, begitu dengan Hadith Nabi Muhammad s.a.w. pendapat sahabat dan *tabi'in* mentafsirkan secara zahirnya. Di samping itu terdapat juga ayat-ayat yang lain yang boleh mewahamkan kepada *tashbih*, mereka (sahabat dan *tabi'in*) menghukumkan bahawa ayat-ayat itu adalah dari perkataan Allah maka wajiblah kita beriman dan jangan cuba untuk menyelidiki maknanya dengan mentakwilkan . . .

kerana boleh jadi itu adalah sebagai percubaan, maka wajiblah wakaf dan tanduk sahaja. Terdapat juga golongan pereka-reka yang membawakan ayat-ayat itu kepada *tashbih*, ada yang mentashbihkan di dalam zat Allah dengan mengatakan bahawa Allah bertangan dan berkaki dan mempunyai muka, ini adalah bertentangan dengan ayat-ayat yang menunjukkan kepada *tanzih mutlaq* yang lebih banyak terdapat dan lebih jelas, ada pula yang mentashbihkan sifat-sifat Allah seperti mengisbatkan *al-Jihah*, *al-Istiwa'*, *al-Nuzul* yang membawa pendapatnya kepada *tajsim* . . . Lahir pula golongan al-Mu'tazilah yang meluaskan ayat-ayat *tanzih* dengan menafikan sifat-sifat *Ilm*, *Qudrah*, *Iradah* . . . (Dengan itu) maka lahirlah *al-Shayh* Abu al-Hasan al-Ash'ari yang mengambil jalan tengah dengan menafikan *al-tashbih* dan mengisbatkan sifat *al-ma'nawiyyah* serta mentanzihkan sebagaimana yang dilakukan oleh ahli al-Sadaf . . .¹

Dr. Irfan Abd. al-Majid berpendapat:

"Bahawa masalah sifat ini lahirnya dari Islam sendiri iaitu dengan pegangan setengah-setengah golongan tentang ayat-ayat sifat *khabariyyah* secara zahirnya, dan membawa maknanya secara yang hakikat tidak secara *majaz* . . ."²

KEWUJUDAN ALLAH DI DALAM AL-QUR'ĀN

Masalah kewujudan Allah sebagaimana yang dibayangkan oleh al-Qur'an adalah masalah yang begitu jelas dan lebih jelas dari untuk dibuktikan, kerana ini adalah merupakan perkara yang menjadi fitrah kepada manusia, sebagaimana ayat-ayat al-Qur'an:

قَالَ رَسُولُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌ فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ . . .

(al-Qur'an, Surah Ibrāhīm, 14:10.)

وَإِذَا مِنَ النَّاسِ الظَّرِيفُونَ لِجَنَاحِهِ أَوْ قَاعِدًا
أَوْ قَائِمًا فَلَمَا كَشَفْنَا عَنْهُ ضَرَرًا مَرَكَأْنَ لَنَّ
يَدْعُنَا إِلَى مَحْرَمَةِ كَذَلِكَ زِينَ لِلْمُرْسَلِينَ مَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ

(al-Qur'an, Surah Yūnus, 10:12.)

Walaupun begitu, al-Qur'an telah membawakan dalil-dalil untuk membuktikan kewujudannya yang bertujuan menolak dakwaan-dakwaan mereka yang meragukan dan mengikarkan atas kewujudannya. Di antara ayat-ayat itu ialah:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي
سَتَةِ أَيَّامٍ . . .

(al-Qur'an, Surah al-Sajdah, 32:4.)

أَنْ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْخَلْقِ الْأَكْبَرِ
وَالنَّهَارُ لَا يُتَّلِّ وَلَسَ الْأَبَابُ

(al-Qur'an, Surah Ali 'Imrān, 3:190.)

"أَمْ خَلَقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمُ الْخَالقُونَ"

(al-Qur'an, Surah al-Tur, 52:35.)

"أَفَرَأَيْتَ مَا تَمْنَنُوا إِنَّكُمْ تَخْلُقُونَ أَمْ نَحْنُ الْخَالقُونَ"

(al-Qur'an, Surah al-Waqi'ah, 56:58, 59.)

وَالْأَنْوَارُ مَاهِيَّةُ الْأَحْيَاءِ إِنَّمَا نَبْرَأُ
وَنَحْيَا وَمَا يَهْلِكُ إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُ بِذَلِكَ
مِنْ عِلْمٍ إِنَّمَا يَظْنُونَ"

(al-Qur'an, Surah al-Jathiyyah, 45:24.)

SIFAT-SIFAT ALLAH DI DALAM AL-QUR'AN DAN HADITH

Di dalam al-Qur'an dan Hadith terdapat banyak ayat al-Qur'an dan Hadith-Hadith yang menjelaskan sifat-sifat Allah.

Sifat-sifat Allah yang ada di dalam al-Qur'an dan Hadith itu hanya menjelaskan tentang kewujudannya sahaja, dengan tidak menjelaskan bagaimana keadaan sifat itu, sama ada sifat itu 'ayn (zat) atau zā'id dari zat. Perkara-perkara ini tidak kedapatan di dalam al-Qur'an atau Hadith.

HADITH AL-FIRAQ

Terdapat beberapa Hadith yang menunjukkan kepada beberapa golongan yang akan berlaku di kalangan umat nabi Muhammad s.a.w.

Diriwayatkan dari Abdullah Ibn 'Umar r.a., Ibn 'Umar berkata, "Berkata Rasulullah s.a.w., "Akan berlaku kepada umatku seperti apa yang dilakukan oleh bani Israil, hingga ada yang di antara mereka yang mencerobohi emaknya secara terang-terang, nescaya umatku juga ada yang akan melakukan sedemikian, sesungguhnya kaum Israil berpecah kepada tujuh puluh dua puak, manakala umatku pula akan berpecah kepada tujuh puluh tiga puak, kesemuanya akan masuk di api neraka kecuali satu puak sahaja". Mereka bertanya, "Siapa dia ya Rasulullah s.a.w." Nabi Muhammad s.a.w. menjawab, "Siapa yang mengikut aku dan sahabat-sahabatku."³

HADITH-HADITH MAWDŪ'

Perekaan Hadith-Hadith *Mawdū'* bermula di masa ⁴'Umar, manakala di masa ⁵'Ali dan Mu⁶awiyyah penulisan Hadith-Hadith *Mawdū'* ini berlaku dengan banyak, dan terus meluas setelah itu.⁴

Tujuan penulisan Hadith *Mawdū'* ini sebagaimana yang di terangkan oleh ⁵Abd al-Rahmān Muhammad ⁶Uthmān;

Tujuan perekaan Hadīth Mawdū^c itu adalah buruk, merosakan Islam, meletakkan kulit-kulit di tempat saripati, perkara-perkara yang remeh-remeh di tempat perkara yang penting, syirik di tempat tauhid, dan meletakan pembohongan-pembohongan di tempat kebenaran.⁵

Di samping itu ada juga yang bertujuan untuk mengelirukan pemikiran orang-orang Islam, sebagaimana yang dilakukan oleh al-Zanādiqah yang terkesan dari pengaruh Majusi, al-Manāwiyyah, al-Zaradshatiyyah dan al-Mazdakiyyah.⁶

Di antara Hadīth-Hadīth Mawdū^c yang ada hubungannya dengan masalah sifat:

عن أبي هريرة قال :

"فَيْلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَمْرُورٌ مِّنْ مَمْرُورٍ قَالَ لَا مِنَ الْأَرْضِ وَلَا مِنْ سَمَا، خَلَقَ خَلْقًا فَاجْرَاهَا فَعِرْقَتْ تَخْلُفَ نَفْسَهُ مِنْ زَلْكِ الْعَرْقِ
هَذَا حَدِيثٌ لَا يُشْكِنُ وَضْعَهُ ٧

عن أبي الزبير عن جابر قال :

"قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) مِنْ تَالِ الْقَرْآنِ مَخْلُوقٌ فَنَدَّ كُفَّارُهُ، هَذَا حَدِيثٌ لَا يَصْحُحُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ (ص) قَالَ الدَّارِقَطْنِيُّ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْيَدٍ يَكْذِبُ وَيَضْعُفُ الْحَدِيثُ ٨

عن أبي هريرة قال :

"قَالَ رَسُولُ اللَّهِ لِمَا أَسْرَى بِي إِلَى بَيْتِ الْمَقْدِسِ مُرْبِي جَبَرِيلَ بَغْرَابِ إِبْرَاهِيمَ فَقَالَ يَا مُحَمَّدًا نَزَلَ فِي نَصْلِ هَنَا رَكْعَتِينَ، ثُمَّ مَرَّ بِبَيْتِ لَهُمَّ لَهُمْ نَزَلَ فِي نَصْلِ هَنَا رَكْعَتِينَ فَانْهَا هَاهُنَا وَلَدَأْخُوكَ عَيْسَى، ثُمَّ اتَّى بِي إِلَى الصَّحْرَاءِ فَقَالَ يَا مُحَمَّدًا مَنْ هَاهُنَا عَرَجَ رَسِّكَ إِلَى السَّمَا، وَذَكَرَ كَلَامًا طَوِيلًا أَكْرَهَ ذَكْرَهُ قَالَ أَبُو حَاتَّمٍ هَذَا حَدِيثٌ لَا يُشْكِنُ أَعْوَامَ اصْحَابِ الْحَدِيثِ أَنَّهُ مَوْضِعٌ ٩

"قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) لِمَا تَجَلَّ اللَّهُ لِلْجَلَّ اللَّهُ لِلْجَلَّ طَارَتْ لِعَظَمَتِهِ سَتَةُ أَجْبَلٍ فَوَقَعَتْ ثَلَاثَةُ بَمَكَّةَ وَثَلَاثَةُ بِالْمَدِينَةِ فَوَقَعَ بِالْمَدِينَةِ، حَدَّوْرَقَانَ وَرَفَّوْيَ وَوَقَعَ بِمَكَّةَ نَبَّرَ وَصَرَاءَ وَشَوَّرَا ١٠

"قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) إِنَّ اللَّهَ يَنْزَلُ كُلَّ لَيْلَةَ جَمِيعَةَ إِلَى دَارِ لَدْنَيَا فِي سَتْمَائَةِ الْفِ مَلْكٍ فِي جَلْسٍ عَلَى كَرْسٍ مِّنْ شَوَّرٍ وَبَيْنَ يَدِيهِ لَوْحٌ مِّنْ بَا قَوْتَةٍ حَمَراءُ فِيهِ أَسْمَاءُ مِنْ يَشْبَتُ الرُّؤْيَةُ وَالْكِيفَيَةُ وَالصَّوْرَةُ مِنْ أَمَّةِ مُحَمَّدٍ (ص)، فَيَبْاهِي بِهِمُ الْمَلَائِكَةُ الْحَدِيثُ ١١

Hadīth-Hadīth Mawdū^c yang sebegini telah digunakan oleh pihak-pihak tertentu di dalam menguatkan pendapat mereka, terutama golongan al-Mushabbihah dan golongan yang menafikan sifat-sifat Allah.

ALIRAN AL-TASHBIH DAN AL-TAJSIM

Setelah zaman Sahabat r.a. berakhir, timbul aliran yang dinamakan al-Mushabbihah dan al-Mujassimah; iaitu aliran yang menyerupakn Zat Allah dengan zat makhluk dan yang menyerupakn sifat Allah dengan sifat makhluk.¹²

Setengah ahli Sejarah Akidah berpendapat bahawa aliran ini lahir di kalangan puak pelampau Shi'ah dan al-Rawafidh, antaranya ialah al-Baghda'di.¹³

Al-Baghda'di menjelaskan bahawa golongan yang mentashbihkan zat Allah dengan zat makhluk berpecah kepada beberapa bahagian.¹⁴

- 1/ al-Sab'iyyah, ialah yang menamakan ^cAli sebagai Allah dan menyerupakannya dengan Zat Allah.
- 2/ Al-Bayaniyyah, pengikut Bayān ibn Samā'an yang mendakwa bahawa Tuhanya adalah manusia dari cahaya yang berupakan manusia pada semua anggotanya, segalanya itu akan binasa melainkan mukanya.
- 3/ al-Mughīriyyah, iaitu pengikut Abī Mansūr al-Ajālī yang menyerupakn dirinya dengan Tuhanya dan mendakwa bahawa beliau naik ke atas langit, dan Allah menyapu tangannya di atas kepalanya . . .¹⁵
- 4/ al-Khatabiyyah ialah yang mengatakan bahawa imam-imam itu sebagai Tuhan . . .¹⁶ dan beberapa kumpulan yang lain.¹⁷

Dikatakan bahawa orang yang mula-mula sekali memasukkan perkataan *al-Tajsim* di dalam pemikiran Islam dan menterapkannya kepada Allah ialah ^cAbdullah ibn Saba' iaitu kumpulan al-Sab'iyyah,¹⁸ dan al-Sab'iyyah juga mengatakan kepada ^cAli r.a. yang bermaksud awak adalah Allah.¹⁹

Dikatakan juga bahawa Abdullah adalah seorang Yahudi yang masuk Islam dan terlampau mengagungkan ^cAli²⁰ hingga menyamakannya dengan Allah dan beliau juga yang mengatakan secara nas tentang kepimpinan ^cAli.²¹

Di antara pendapatnya tentang ^cAli ialah bahawa ^cAli tidak mati dan padanya ada unsur ketuhanan. ^cAli datang di awan mendung, guruh adalah suaranya, petir adalah senyumannya, ia akan turun ke bumi dan akan memenuhi bumi dengan keadilan . . .²²

Pendapat ini terus berkembang hingga menjadi satu kumpulan yang dikenal dengan nama al-Karamiyyah yang diketuai oleh ^cAbi Abdullah bin Muhammad ibn Karam²³ beliau menyeru pengikut-pengikutnya supaya mentajsimkan Tuhan mereka, dan menganggap bahawa Allah itu jisim yang baginya *had* dan kesudahan, bagi-Nya tempat bagi yang baharu, dan bersentuhan dengan ^carash-Nya.²⁴

Al-Asfiraynī berpendapat tentang golongan ini adalah dari golongan yang tidak termasuk di dalam Islam bahkan tidak termasuk juga di dalam golongan yang tujuh puluh dua itu.²⁵

Di samping itu di sana juga ada satu kumpulan ahli al-Kalam dari kalangan ahli Hadith yang memperkatakan masalah sifat tetapi melampaui dalam mengisbatkan sifat hingga mereka mentashbihkan dan mentajsimkan, golongan ini dikenal dengan nama al-Hashawiyah.

Di antara pendapatnya, sebagaimana yang digambarkan oleh al-Shahrastānī:

Ayat-ayat yang berhubungan dengan *al-Istiwa'*, *al-wajh*, *alyadayn*, *al-janb*, *al-maji'*, *al-ityān* dan lain-lain mereka maknakan secara zahirnya yang membawa kepada berjisim, begitu juga dengan Hadith-Hadith umpama, Allah membuat Adam di atas surah al-Rahman, dan Hadith, . . . hingga Allah meletakkan kaki-Nya di dalam api neraka . . . mereka memaknakan secara zahirnya . . .²⁶

Mereka menggunakan Hadīth Mawdū^c yang diambil dari orang-orang Yahudi:

اشتكى عيناه فعادت الملائكة وبكي على طوفان نوح
حتى رممت عيناه وان العرش ليثبط من تحته فأطحيط
الرجل الجديد ، وأنه ليفضل من كل جانب اربع
أصابع " 27

al-Shahrastānī meriwayatkan di dalam kitabnya:

”فحكى الاشعري عن محمد بن عيسى أنه حكى عن مضر وكميس وأحمد الهجيمي، أنهم أجازوا على ربهم الملائمة والمسافحة، وأن المسلمين المخلصين يعانقوه فـ في الدنيا والآخرة ، اذ بلغوا في الرياضة والاجتـاد الى حد الاخـلـام، والاتحاد المـحـض.“ 28

Jelas kepada kita bahawa al-Mushabbihah dan al-Mujassimah telah jauh dari roh Islam walaupun mereka berpegang dengan nas-nas al-Qur'an dan Hadith tetapi mereka tidak memahami nas-nas itu mengikut yang sebenarnya, ditambah pula dengan pemahaman-nya yang singkat yang memahamkan nas-nas secara *tashbih* . . . mereka ini tidak meningkatkan pemahamannya dari pemahaman secara *makhsus* kepada *ma'qul*, dan tidak dapat memahamkan konsep *tanzih* yang diisyaratkan oleh al-Qur'an dalam ayat “**لَيْسَ كُمْثِلَهُ شَيْءٌ**”²⁹

ALIRAN PENAFIAN SIFAT

al-Maqrizi menggambarkan aliran itu:

Kemudian berlaku selepas zaman Sahabat r.a. mazhab jahm ibn Safwan di negeri sebelah timur, . . . sesungguhnya mazhab ini menafikan sifat Allah, . . . pengikut-pengikut terkesan dengan pendapatnya yang mentakwilkan sifat-sifat Allah kepada *ta'til*.³⁰

Sebelum Jahm ibn Safwan telah juga berlaku aliran penafian sifat yang dibawa oleh Ja^cd ibn Darham; iaitu dengan mengatakan al-Qur'an adalah makhluk.³¹

Pendapat Jahm dalam masalah sifat ialah:

Tidak boleh disifatkan Allah dengan sifat yang disifatkan dengan makhluknya, kerana yang demikian itu membawakan kepada *tashbih*, beliau menafikan Allah bersifat dengan *Hay* dan *Alim*, dan mengisbatkan sifat *Qadir*, *Fa'il* dan *Khaliq* kerana makhluk tidak bersifat dengan *al-Qudrah* dan *al-Fi'l* dan *al-Khalq*.³²

Beliau juga mendakwa bahawa *'Ilm* Allah itu Hadith, tidak bertempat dan tidak harus bagi Allah mengetahui sesuatu sebelum menjadikannya . . .³³

Manakala lahir aliran al-Mu'tazilah, aliran ini mengambil pendapat-pendapat Jahm dalam penafiannya terhadap sifat-sifat Allah, hingga golongan ini ada yang menamakannya dengan al-Jahmiyyah . . .³⁴

Mereka menafikan sifat-sifat Allah yang *qadim* dan mereka berpendapat Allah *Alim* dengan Zat-Nya, *Hay* dengan Zat-Nya bukan dengan *'ilm*, *qudrat* dan *hayah*, ia adalah sifat yang *qadim*, dan *ma'nā* yang berdiri dengan-Nya, kerana sekiranya sifat-sifat itu bersekutu di dalam *qidam* maka akan bersekutu di dalam ketuhanan. . .³⁵

Sesiapa yang mengisbatkan *ma'nā* sifat yang *qadim* maka akan mengisbatkan dua tuhan.³⁶

al-Taftazānī juga berpendapat;

Sesungguhnya pendapat Wasil dan orang yang sebelumnya seperti al-Jahmiyyah dalam menafikan sifat Allah adalah sebagai tindak balas dari apa yang dilakukan oleh al-Mushabbiyah dan al-Mujassimah yang membawakan *shubhat* di dalam masalah zat dan sifat. Wasil dan temannya bangun mempertahankan Akidah Islam, tetapi tentangannya itu melebihi batas hingga beliau dan teman-temannya itu menafikan sifat-sifat Allah.³⁷

Di samping itu, tokoh-tokoh al-Mu'tazilah sesudah Wasil telah terkesan dengan pendapat ahli Falsafah, mereka mengambil pendapat ahli Falsafah dengan dalil-dalil akal apabila menafikan sifat Allah; iaitu bahawa Allah adalah Wajib al-Wujud dan Allah adalah satu dari segala segi.³⁸

FAKTOR-FAKTOR LUARAN

Terdapat beberapa faktor luaran yang menyebabkan kelahiran masalah sifat di dalam ilmu al-Kalam.

AGAMA YAHUDI

Masalah yang menjadi faktor kepada kelahiran masalah sifat dari agama Yahudi ialah masalah penyerupaan Allah dengan makhluk (*tashbih*) yang dibawakan oleh pengikut agama ini, mereka me-

ngakui akan keesaan Allah tetapi mereka menambah Taurat dan kitab Talmud dengan pendapat, Allah bersifat dengan sifat-sifat manusia hingga membawa kepada bahawa Allah itu serupa dengan manusia dari segi tubuh badannya dan perasaannya³⁹ sebagaimana yang kita boleh lihat dari nas-nas yang ada di dalam kitabnya;

فَخَلَقَ اللَّهُ الْإِنْسَانَ عَلَى صُورَتِهِ، عَلَى صُورَةِ اللَّهِ خَلَقَهُ

(al-Kitab al-Muqaddas, Safar al-Takwin, al-Ishah 1)

وَسَعَاهُ (آدَمَ وَحْرَاءَ) صَوْتُ الرَّبِّ إِلَّا لَمْ يَشِيَا فِي الْجَنَّةِ
عِنْدَ حَبْوَبِ رِيحِ النَّهَارِ، فَأَخْتَبَاهُ آدَمُ وَأَمْرَاهُ مِنْ وِجْهِهِ
الْرَّبِّ إِلَّا لَهُ فِي وَسْطِ شَجَرِ الْجَنَّةِ ٠٠٠

(al-Kitab al-Muqaddas, Safar al-Takwin, al-Ishah III)

بِمِنْ خَلْقِ الْإِنْسَانِ عَلَى نِسْبَةِ اللَّهِ عَلَيْهِ ذِكْرًا ٠٠٠

(al-Kibat al-Muqaddas, Safar al-Takwin, al-Ishah V)

وَرَأَى الرَّبُّ أَنَّ شَرَالِإِنْسَانِ قَدْ كَثَرَ فِي الْأَرْضِ نِيَخْزُنُ الْأَرْبَابَ
أَنَّهُ عَمِلَ الْإِنْسَانَ فِي الْأَرْضِ وَتَأْسِفُ فِي قَلْبِهِ فَقَالَ الرَّبُّ
أَمْحِرُ عَنْ وِجْهِ الْأَرْضِ الْإِنْسَانَ خَلَقْتَهُ

(al-Kitab al-Muqaddas, Safar al-Takwin, al-Ishah VI)

Golongan al-Mujassimah dan al-Mushabbiyah adalah lahir dari kesan-kesan ajaran agama Yahudi yang mensifatkan Allah dengan sifat-sifat makhluk, dan mereka hadith-hadith yang membawa makna demikian antaranya:

Tuhanku menemuiku — di malam mikraj — Ia bersalaman denganku dan meletak tangan-Nya di antara kedua ketiak-Nya hingga kelihatan jari-jari-Nya, sesungguhnya mereka mengisbatkan bentuk muka, dua mata, mulut, jari-jari, peha, dua betis dan dua kakinya...⁴⁰

al-Nashshar juga berpendapat bahawa al-Mushabbiyah dan al-Mujassimah lahir adalah dari kesan agama Yahudi dan *Isra’iliyyat*⁴¹ beliau menambah lagi bahawa orang-orang Yahudi tidak dapat mengesani pemikiran orang-orang Islam, tetapi mereka berjaya di dalam memasukkan unsur-unsur yang merosakkan ke dalam golongan yang terkeluar dari Islam teristimewa al-Batinyyah,⁴² di samping mereka membawakan fitnah kepada orang-orang Islam di dalam masalah *al-Imamah*, masalah Zat Allah dengan memasukkan kepercayaan-kepercayaan dan Hadith-Hadith tashbih dan tajsim.⁴³

FAKTOR DARI AGAMA KRISTIAN

Pada permulaannya pembicaraan al-Qur'an dengan orang-orang Kristian adalah secara lembut.

لَفِدَ كُفَّارَ الظَّاهِرِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمَسِيحُ بْنُ مَرْيَمٍ...^{١٧}

(al-Qur'an, Surah Ma'idah, 5:17.)

مَا الْمَسِيحُ بْنُ مَرْيَمٍ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ...^{٧٥}

(al-Qur'an, Surah Ma'idah, 5:75).

وَقَالَتِ النَّصَارَى إِنَّهُ مَسِيحٌ بْنُ اللَّهِ^{٣٠}

(al-Qur'an, Surah al-Tawbah, 9:30.)

اتَّخَذُوا أَخْبَارَهُمْ وَرَهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحُ بْنُ مَرْيَمٍ...^{٣١}

(al-Qur'an, Surah al-Tawbah, 9:31.)

إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ انْعَمَنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَا مِثْلًا لِبَنِي إِسْرَائِيلَ^{٥٩}

(al-Qur'an, Surah al-Zukhruf, 43:59.)

Al-Qur'an menganggap bahawa golongan ini adalah golongan yang terlebih hampir kepada Islam.

..وَلَتَجِدُنَّ أُولَئِكَمْ مُوْدَةً لِلَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الَّذِينَ قَالُوا إِنَّا نَصَارَى ،
ذَلِكَ بَأْنَ مِنْهُمْ قَسِيْسِينَ وَرَهْبَانًا وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ^{٨٢}

(al-Qur'an, Surah al-Ma'idah, 5: 82).

Keadaan ini berubah dan menjadi tegang manakala terdapat perbezaan yang jauh antara pandangan orang-orang Kristian dan Islam berhubung dengan masalah 'Isa al-Masih itu hingga Allah menyeru nabi Muhammad supaya bermubahalah dengan mereka.

يَقْلُلُ تَعَالَى نَدْعُ أَبْنَاءَنَا وَأَبْنَاءَكُمْ وَنِسَاءَنَا وَنِسَاءَكُمْ
وَأَنْفُسَنَا وَأَنْفُسَكُمْ ، ثُمَّ نَبْتَهِلُ فَنَجْعَلُ لِمَنْتَ اللَّهَ
عَلَى الْكَلَازِ بَيْنَ

(al-Qur'an, Surah Ali 'Imran, 3:61.)

Terdapat tiga golongan terbesar dalam agama Kristian; iaitu al-Malkaniyyah, al-Nasturiyyah dan al-Ya^cqubiyyah.

1. *al-Malkaniyyah*. Pendapat al-Malkaniyyah dalam masalah ketuhanan sebagaimana yang digambarkan oleh al-Shahrastani, ialah:

Sesungguhnya *al-Kalimah* telah bersatu di dalam jasad al-Masih, dan bersebatilah dengan manusianya (Nasut), yang dimaksudkan dengan *al-Kalimah* ialah *Aqnum al-^cIlm* yang dimaksudkan dengan *Ruh al-Quds* ialah *Aqnum al-Hayah*, . . . Setengah dari mereka berpendapat bahawa *al-Kalimah* bersebatilah dengan jasad al-Masih sebagaimana bersebatinya arak atau air susu.

al-Malkaniyyah berpendapat bahawa *al-Jawhar* bukan *Aqnum*, seperti *mawsuf* dengan *al-sifah*, dengan ini mereka mengisbatkan *al-tathlith*.⁴⁴

al-Malkaniyyah berpendapat, bahawa al-Masih itu adalah *Nasut* keseluruhannya bukan sebahagian, ia adalah Qadim, Azali dari yang Qadim dan Azali, sesungguhnya Maryam telah melahirkan Tuhan yang Azali, bunuh dan salib berlaku ke atas *Nasut* dan *Lahut*, disebutkan lafadz kebapakan dan keanakan ke atas Allah . . .⁴⁵

Ariyus berkata, "al-Qadim ialah Allah, dan al-Masih adalah makhluk, seluruh para Patriarchs, Metropolitans, dan Bishops di negeri Constantinople berhimpun dengan dihadiri oleh Raja mereka, mereka semua adalah berjumlah tiga ratus tujuh belas orang, semuanya bersetuju dengan perkataan ini sebagai kepercayaan dan seruan, perkataan mereka ialah "Kami percaya dengan Allah yang satu sebagai bapa, mempunyai segala sesuatu, mencipta apa yang dilihat-Nya dan yang tidak dilihat-Nya, dan dengan anak yang tunggal Yesu^c al-Masih, anak Allah yang tunggal, terdahulu dari segala alam semuanya, . . . dijadikan setiap sesuatu adalah dengan sebab kita, dan dengan sebab seluruh manusia, dan dengan sebab menyelamatkan kita."⁴⁶

2. *al-Nasturiyyah*. Pendapatnya di dalam masalah ketuhanan ia-lah; katanya;

"Sesungguhnya Allah itu satu, mempunyai tiga *Aqnum* (*hypostasis*), *al-Wujud*, *al-^cIlm* dan *al-Hayah*, ketiga *Aqnum* ini bukan perkara yang *zā'id* ke atas zat, *al-Kalimah* bersatu dengan jasad ^cIsa a.s. bukan secara percampuran sebagaimana yang dikatakan oleh al-Malkaniyyah, dan bukan secara penjelmaan, sebagaimana yang dikatakan oleh al-Ya^cqubiyyah, akan tetapi seperti;

كاشرات الشمس في كورة على بصورة وظهور النقوش
في الشمس الى طبع بالخاتم⁴⁷

Setelah *al-Kalimah* bersatu dengan al-Masih, ia tidak menjadi Tuhan, tetapi lahir dari kehendak ketuhanan, hubungan itu tidak batal dengan sebab qadim *al-Lahut* dan baharunya *al-Nasut*. Pembunuhan berlaku ke atas *al-Nasut* bukan ke atas *al-Lahut* yang tidak merasa sakit. Dinamakan al-Masih sebagai anak Allah secara keanakan, dan secara nikmat, bukan secara peranakan dan pertemanan (*al-Ittiḥād*).⁴⁸

3. *al-Ya^cqubiyyah*. Nisbah keturunannya kepada Ya^cqub,⁴⁹ mereka adalah pengikut Ya^cqub, dan berpendapat dengan tiga *Aqnum*, hanya mereka berpendapat bahawa Kalimah telah bertukar menjadi daging dan darah, maka jadilah Tuhan itu al-Masih, dan lahir pada dirinya, bahkan al-Masih itu ialah Tuhan.⁵⁰

Mereka berpendapat lagi bahawa, terdapat percantuman yang penuh di antara dua Jauhar iaitu *al-Lahut* dan *al-Nasut* . . . al-Masih adalah Tuhan yang sebenar, atau dari Jauhar bapanya . . . maka jadilah manusia Tuhan, sebagaimana terjadinya api di arang, kematian berlaku kepada *al-Nasut* dan *al-Lahut*.⁵¹

Ada di antaranya yang berpendapat bahawa al-Masih itu ialah Allah, dan ada yang berpendapat lahir *al-Lahut* dengan *al-Nasut*, maka jadilah Nasut al-Masih itu sebagai jelmaan sebenar, bukan secara *hulul* juzuk padanya, dan bukan secara percantuman al-Kalimah yang bererti sifat, bahkan al-Masih itu adalah Allah, seperti menjelma malaikat dengan bentuk manusia, atau menjelma syaitan dengan bentuk haiwan.⁵²

Daripada pendapat-pendapat ini maka orang-orang Islam telah menggunakan segala jalan untuk menolak pendapat-pendapat itu, sama ada dari golongan al-Mutazilah atau al-Ash'ariyyah,⁵³ yang mana al-Qur'an telah memberikan garis panduan untuk menolak dakwaan Kristian itu.

Dr. Subhi telah berpendapat bahawa banyak masalah yang timbul di dalam perbahasan Ilmu al-Kalam adalah berlaku dengan sebab perbincangannya dengan orang-orang Kristian, bahkan masalah yang terbesar di dalam ilmu al-Kalam iaitu masalah al-Qur'an itu makhluk dan Kalam Allah adalah lahir dari perbahasananya dengan orang-orang Kristian,⁵⁴ begitu Dr. al-Bahi berpendapat bahawa masalah sifat adalah timbul dengan sebab perbincangannya dengan orang-orang Kristian di dalam masalah *al-Aqānim* . . .⁵⁵

AGAMA-AGAMA FARSI

Perselisihan yang berlaku di antara Islam dengan agama Farsi ialah di dalam masalah Tauhid yang berpunca dari perbahasan akhlak iaitu di dalam mentafsirkan asal kejadian *al-shar* sama ada dari punca yang satu atau dari punca yang lain.

Mereka berpendapat bahawa di alam ada *khayr* dan ada *shar* begitu juga ada perkara berfaedah dan perkara mudarat, setiap perkara-perkara ini ada kuasa yang menjadikannya yang kedua kuasa itu berlainan antara satu sama lain, dan tidak boleh dari satu kuasa . . .⁵⁶

Ahli agama Farsi ini telah berselisih faham di dalam memahamkan kedua-dua kuasa ini sama ada keduanya itu *qadīm* atau *al-nūr* itu *qadīm* manakala *al-zalamah* itu *hadith*, dan bagaimana berlaku percantuman antara *nūr* dengan *al-zalamah* dan bagaimana *nūr* terlepas dari *al-zalamah*.

Dari asas ini mereka terbahagi kepada dua kumpulan besar, iaitu *al-Majūsi* dan *al-Thanawiyah*.

Al-Majusi mengisbatkan dua prinsip kepada yang ada ini; iaitu *al-nur* adalah azali manakala *al-zalamah* adalah *hadith*,⁵⁷ mereka pula berselisih pendapat di dalam mentafsirkan bagaimana berlakunya *al-zalamah* itu sama ada daripada *al-nur* atau dari suatu yang lain . . .⁵⁸

Al-Thanawiyyah berpendapat bahawa alam ini terjadi dari dua asal yang qadim; iaitu *al-nur* dan *al-zalamah* keduanya adalah azali. Mereka mendakwa bahawa keduanya itu sentiasa kuat, merasa, mengetahui mendengar dan melihat . . .⁵⁹

Kedua-dua; *nur* dan *zalah* adalah berbeza dan berlawanan di antara satu sama lain umpamanya *nur* adalah *hasan*, *fadil*, *bersih*, *harum baunya* dan *elok pandangannya* manakala *al-zalamah* adalah *buruk*, *bersifat kurang*, *buruk pandangan* dan *lain-lain* . . .⁶⁰

al-Thanawiyyah ini terbahagi kepada tiga golongan iaitu *al-Manawiyyah*, *al-Mazdakiyyah*, dan *al-Daysaniyyah*.

Pendapat-pendapat yang dibawakan oleh agama Farsi ini telah ditentang oleh ulama al-kalam.

al-Nashshār berpendapat bahawa sebab lahirnya aliran Mu^ctazilah ialah untuk menolak pendapat al-Thanawiyyah dan al-Zanādiqah. Begitu juga setengah orientalist umpama Becker dan De Boer dan Nybrerg berpendapat bahawa al-Mu^ctazilah adalah aliran yang pertama di dalam Islam yang melahirkan prinsip-prinsipnya dari penentangannya terhadap golongan al-Manawiyyah, bahkan sebab yang sebenar lahirnya Ilmu al-Kalam ialah dengan sebab penentangan terhadap golongan al-Manawiyyah. . .⁶¹

Secara ringkas, al-Mu^ctazilah telah bangkit menentang kepercayaan *al-Ghunuṣiyyah*, yang dipelopori oleh Waṣil ibn Ḩataṭ, Amrū ibn Ṣubayd, al-Allāf dan al-Nazzam, begitu juga al-Khayyat dan al-Jāhiz dan al-Abd al-Jabbār al-Hamazānī di dalam kitabnya “Tathbit Dala’il al-Nubuwah”. Setelah itu al-Aṣḥā’irah pula bangkit menentang golongan al-Ghunuṣiyyah, itu, terutama Abu Bakr al-Baqillānī di dalam kitabnya *al-Tamhid* . . .⁶²

Yahyā Ḥašim juga berpendapat bahawa kepercayaan al-Majusiyyah dan kedudukannya adalah mempunyai kesan yang besar di dalam kelahiran ilmu al-Kalam, pendapat ini telah diperakukan oleh kebanyakan pengkaji di dalam bidang ini.⁶³

Dr. Ahmad Ṣubḥī Ṣalīḥ telah membuat kesimpulan tentang faktor agama-agama lain yang memberi kesan di dalam perbahasan masalah sifat;⁶⁴

1/ Perbahasan di antara agama Yahudi dengan Islam ialah di dalam masalah yang berhubung dengan Zat Allah dan sifat-Nya, masalah *tanzīh* dan *tashbih* . . .

2/ Perbahasan di antara al-Masihiyyah dengan Islam adalah di dalam masalah yang berhubung dengan Kalam Allah, atau

- masalah *khalq al-Qur'an*, Zat Allah dan sifat-Nya, serta perbahasan yang berhubung dengan jauhar dan *'arad*.
- 3/ Manakala perbahasan yang berhubung dengan *al-shar*, *al-lutf*, *al-sulh* dan *al-salah wa al-aslah* adalah lahir dari perbahasannya dengan al-Zaradshatiyyah, al-Manawiyah dan al-Mazdakiyyah.

FALSAFAH GREEK

Melalui penterjemahan buku-buku falsafah Greek bukan merupakan cara yang mula-mula orang-orang Islam dan Arab mengetahui Falsafah Greek, tetapi sebelum bermula gerakan penterjemahan lagi, telah bermula perhubungan ilmiah dengan secara pergaulan dan perbincangan di majlis-majlis,⁶⁵ bahkan Goldziher berpendapat bahawa masalah-masalah falsafah Aristotle dan Neo Platonisme telah meresap di kalangan orang-orang Islam secara perhubungan lisan adalah lebih banyak daripada terjemahan.⁶⁶

Begitu juga al-Nashshār berpendapat bahawa perhubungan di antara orang-orang Islam dengan Falsafah Greek telah bermula pada kurun yang pertama hijrah lagi,⁶⁷ dan beliau berpendapat lagi bahawa kajian yang terbaharu membuktikan bahawa pusat perbahasan falsafah telah tersibar di dunia yang telah dibuka oleh orang-orang Islam dan keadaan ini tidak terhenti perjalannya, sebagaimana juga kajian yang terbaharu membuktikan tidak benarnya cerita pembakaran perpustakaan Alexandria, Mesir, yang didakwakan oleh ahli sejarah Arab kerana dakwaannya itu tidak mengemukakan bukti-bukti sejarah dan penganalisaan yang kritis.⁶⁸

Sebagai contoh diperturunkan beberapa pendapat tokoh ahli ilmu al-Kalam dalam masalah sifat dan hubungannya dengan falsafah Greek.

Jahm berkata; "Tidak boleh diketahui sesuatu sebelum dijadikannya, kerana sekiranya diketahui kemudian menjadikan, sama ada akan kekal Ilmu-Nya sebagaimana yang sedia ada atau pun tidak? sekiranya kekal maka ia jahil, kerana ilmu akan dijadikan berlainan dari ilmu yang telah dijadikan, sekiranya tidak kekal, maka akan berubah Ilmu-Nya, sedangkan yang berubah adalah makhluk, bukan kepada yang Qadim . . .".⁶⁹

Dari nas ini jelas bahawa unsur falsafah yang terdapat di dalamnya, ialah di dalam cara pendalilannya yang tersusun di dalam menafikan perubahan di dalam zat Allah, di dalam mengisbatkan sifat tidak bertempat, dan terdapat juga dalil yang dipegang oleh ahli Falsafah di dalam menafikan Ilmu Allah dengan perkara *Juz'iyat*.⁷⁰

Darar berkata, "Makna Allah *'Alim* ialah Allah tidak jahil makna Allah *Qadir* Allah tidak lemah dan makna Allah *Hay* ialah Allah tidak mati."⁷¹

Pendapat ini sesuai dengan pendapat Neo Platonisme yang mensifatkan Allah dengan sifat *Salbiyyah*.⁷²

al-Nashshār berpendapat tentang *tashbih* yang dibawakan oleh Muqātil, ada kemungkinan mempunyai hubungan dengan falsafah.⁷³

De Boer membuat pengolahan tentang terkesannya Mu^ctazilah dengan falsafah adalah di dalam susunan pengolahannya secara logik dengan menggunakan teori ahli logik atau ahli falsafah metafizik,⁷⁴ dan beliau mengatakan tentang Abū al-Hudhayl adalah sebagai ahli al-Kalam yang masyhur dan adalah sebagai ahli fikir yang pertama mengambil teori ahli falsafah bagi menguatkan pendapatnya.⁷⁵

al-Shahrastānī berpendapat bahawa pendapat yang menafikan sifat Allah umpama sifat ^cIlm, Qudrah, Iradah Hayah adalah pada peringkat permulaannya tidak matang . . . pengikut-pengikut kemudiannya telah mengkaji kitab-kitab ahli Falsafah, mereka mengembalikan semua sifat-sifat Allah kepada hal keadaan Allah ^cAlim dan Qādir, kemudian menghukum bahawa kedua sifat itu adalah sifat Zat, keduanya adalah dua *i'tibār* bagi Zat yang Qadim sebagaimana pendapat al-Jubbā'i atau keduanya sebagai hal sebagaimana pendapat Abū Hāshim.⁷⁶

Ini dikuatkan lagi dengan kata-katanya terhadap Ibrāhīm ibn Sayyār al-Nazzām yang mengatakan bahawa al-Nazzām telah mengkaji banyak kitab-kitab Falsafah dan telah mencampuradukkan pendapat al-Mu^ctazilah dengan pendapat Falsafah,⁷⁷ dan Ma^cmar ibn ^cUbbad al-Silmi adalah cenderong dengan mazhab Falsafah . . .⁷⁸

Begitu juga dengan al-Ash^cari berpendapat bahawa mereka yang menafikan sifat Allah . . . adalah mengambil pendapat itu dari teman-temannya ahli Falsafah yang menyangka bahawa pencipta alam adalah sejak azali tidak bersifat ^cAlim, Qadir, Hay, Sami^c, Basir . . .⁷⁹

Ibrahim Madkur menjelaskan tentang pengaruh Falsafah Greek di dalam perbahasan ilmu al-Kalam:

Tidak syak lagi bahawa madrasah Alexandria adalah penghubung di antara barat dan timur yang menghubungkan di antara Falsafah Greek dengan fikiran timur, hubungan ini bertambah kuat manakala sekolah Atheena ditutup pada tahun 529 Masihi, dan guru-gurunya berpindah ke timur di tempat yang bernama al-Raha, Nasibayn, Haran dan Naysabur. Sekolah ini mementingkan ilmu Falsafah Greek dan disesuaikan di antara falsafah dan agama. Ilmu ini disampaikan ke dalam alam Islam melalui penyampaian secara lisan dan *riwayah*, atau secara setengah dari ringkasan di dalam bahasa Siryan . . .⁸⁰

Dari nas ini dapat difahamkan bagaimana orang-orang Islam mengetahui setengah daripada pemikiran orang-orang Greek pada akhir kurun yang pertama dan pada awal kurun yang kedua sebe-

lum bermulanya gerakan penterjemahan. Pemikiran-pemikiran yang dibawakannya itu adalah yang berhubung dengan masalah ketuhanan.

KESIMPULAN

Dengan penjelasan yang ringkas, dapat dibuat kesimpulan bahawa masalah sifat lahir di dalam pemikiran orang-orang Islam adalah sebab faktor dalaman dan luaran. Kedua-duanya sama-sama mengambil peranan yang penting di dalam kelahiran dan perkembangan masalah sifat. Hanya faktor dalaman ternyata lebih peranannya di dalam peringkat kelahirannya dengan tidak mengenepikan faktor luaran, terutama di dalam masalah ayat-ayat *al-mutashabihat*. Manakala di dalam perkembangannya pula maka faktor luaran adalah lebih berperanan dengan tidak mengenepikan faktor dalaman terutama faktor agama Kristian, Yahudi dan falsafah Greek.

CATATAN

¹ Abd al-Rahmān ibn Muḥammad ibn Khaldūn al-Maghribī, *al-Muqaddimah Tārīkh al->Allāmah ibn Khaldūn*, (Bayrūt: Maktabah al-Madrasah Wa Dār al-Kitāb al-Lihnānī, cetakan ketiga, 1967), 830-831.

² Irfān ^cAbd al-Majīd, *Dīrāsāt Fī al-Fīraq Wa al-^cAqā'id al-Islāmiyyah*, (Baghdad: Maṭba'ah al-Irshād, 1967), h. 218.

³ Abī ^cIsā Muḥammad ibn ^cIsā ibn Sawran al-Tarmidhi, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Wa Huwa Sunan al-Tarmidī*, Tahqīq Ibrāhīm ^cAtwāh ^cIwād, 5 juz., (al-Qāhirah: Matba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, 1965), 5:26.

⁴ Jamāl al-Dīn Abī al-Farj ^cAbd al-Rahmān ibn al-Jawzī al-Badhadādī, *Naqd al-^cIlm Wa al-^cUlama' Aw Talbīs Ibūlīs*, Taṣḥīḥ Wa Taṣlīq Idarah al-Ṭibā'ah al-Muniriyah, (al-Qāhirah: al-Ṭibā'ah al-Muniriyah, t.t.), h. 7. Hadīth yang serupa maknanya juga telah diriwayatkan oleh Abu Dawwūd dan juga Ḥadīth yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah. (lihat Talbīs Ibūlīs, h. 18) dan di dalam Musnad Ahmad ibn Hanbal, 2:332.

⁵ ^cIbid., 1:6

⁶ ^cIbid., 1:9.

⁷ ^cAbd al-Rahmān ibn ^cAli al-Jawzī, *Kitāb al-Mawdū'at*, Tahqīq Wa Taqdim Abd al-Rahmān Muḥammad ^cUthman, 3 juz., (al-Madinah: Maktabah al-Salafiyyah, 1966), 1:105.

⁸ ^cIbid., 1:107.

⁹ ^cIbid., 1:113, 114.

¹⁰ ^cIbid., 1:120.

¹¹Ibid., 1:122.

¹²^cAbd al-Qāhir Ibn Ṭāhir Ibn Muhammad al-Tamīmī al-Baghdādī, *al-Farq Bayn al-Firaq*, Tahqīq Muhammad Muhy al-Dīn ^cAbd al-Hamid, (al-Qahirah: Maktabah Muham-mad ^cAlī Subīḥ, t.t.) h. 225.

¹³Ibid., h. 225

¹⁴Ibid., 226

¹⁵Ibid., 226

¹⁶Ibid., 226

¹⁷Ibid., h. 226, 227, 228.

¹⁸Suhīr Muhammad Mukhtār, *al-Tajṣīm ^cInd al-Muṣlimīn: Mazhab al-Karamīyyah*, (Qahirah: Sharīkah al-Iskandariyyah Li al-Tibā ^cah Wa al-Nashr, 1971), h. 103.

¹⁹Muhammad ^cAbd al-Karim Ibn Abu Bakar Ahmad al-Shahrastāni, *al-Milal Wa al-Nihāl*, (al-Qahirah Mu'assasah al-Halabi, 1968) 1:174.

²⁰Ibid., 1:174. Abu al-Wafā' al-Ghanīmī al-Taftazānī, ^cIlm al-Kalam Wa Ba^cd Mushki-lātūh, (al-Qahirah: Dār al-Thaqafah Li al-Tibā ^cah Wal al-Nashr, 1979) h. 103.

²¹al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1:174.

²²Ibid., 1:174.

²³Taqī al-Dīn Abī al-Abbās Ahmad Ibñ ^cAli al-Marqarīzī, *al-Hutat*, 2 juz. (Bayrūt : Dar Sādir, t.t.). 2:337.

²⁴al-Taftazānī, ^cIlm al-Kalam Wa Ba^cd Mushkilātīh, h. 107.

²⁵Abu Muzaffar al-Asfiraynī, *al-Tabsīr Fi al-Dīn*, Tahqīq Muhammad Zāhid al-Kaw-thānī, (al-Qahirah: Maktabah Nashr al-Thaqafah al-Islamiyyah, 1940) h. 71.

²⁶al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1:105, 106.

²⁷Ibid., 1:106.

²⁸Ibid., 1:105.

²⁹al-Taftazānī, ^cIlm al-Kalam Wa Ba^cd Mushkilātīh, h. 112.

³⁰al-Maqrīzī, *al-Hutat*, 2:357.

³¹Izz al-Dīn Abī al-Hasan ^cAli ibn Abī al-Karm al-Shaybānī, *al-Kamil Fi al-Tarikh*, 13 juz., (Bayrūt: Dar Sādir, Dar Bayrūt, 1965), 5:263, 429.

³²al-Shahrastāni, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1:86.

³³Ibid., 1:87.

³⁴Zuhdi Hasan Jar Allah, *al-Mu^ctazilah*, (Qahirah: Matba^cah Masr Sharkah Musa-mah Misriyyah, 1947), h. 8.

³⁵al-Shahrastāni, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1:48.

³⁶Ibid., 1:46.

³⁷al-Taftazānī, ^cIlm al-Kalam Wa Ba^cd Mushkilātīh, h. 114.

³⁸Ibid., h. 114.

³⁹Aḥmad Mahmūd Subhī, *Fi^c Ilm al-Kalām; Dirāsah Falsafīyyah al-Mu^ctazilah*, al-

Ashā'irah, al-Shi'ah, (Misr: Dār al-Kutub al-Jamī'iyyah, 1969), h. 18.

⁴⁰ Ahmad Mahmūd Ṣubḥī, *Fi 'Ilm al-Kalām*, h. 20.

⁴¹ Ali Ṣāmī al-Nashshār, *Nash'ah al-Fikr al-Falsafī Fi al-Islām*, 3 juz., (al-Qāhirah: Dār al-Mā'arif, cetakan keenam, 1975), 1:68.

⁴² Ibid., 1:85.

⁴³ Ibid., 1:87.

⁴⁴ Ibid., 2:27.

⁴⁵ Ibid., 2:27.

⁴⁶ Ibid., 2:28.

⁴⁷ Ibid., 2:29.

⁴⁸ Ahmad Mahmūd Ṣubḥī, *Fi 'Ilm al-Kalām*, (Misr: Mu'assasah al-Thaqāfah al-Jamī'iyyah, 1978) h. 28.

⁴⁹ Ibid., h. 28.

⁵⁰ al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 2:21.

⁵¹ Ibid., 2:21.

⁵² Ibid., 2:31.

⁵³ Ali Ṣāmī al-Nashshār, *Nash'ah al-Fikr al-Falsafī Fi al-Islām*, 3 juz (al-Qāhirah: Dār al-Mā'arif, 1975 cetakan keenam) 1:97.

⁵⁴ Ahmad Mahmūd Ṣubḥī, *Fi 'Ilm al-Kalām*, h. 29.

⁵⁵ Muhammad al-Bahī, *al-Janib al-Ilāhi Min al-Tafsīr al-Islāmi*, (Qāhirah: Dār al-Kitāb al-'Arabī Li al-Tibā'ah Wa al-Nashr, 1967), h. 124.

⁵⁶ Abī al-Hasan 'Abd al-Jabbar al-Asad Abādī, *al-Mughnī Fi Abwāb al-Tawhīd Wa al-'Adl: al-Firaq Ghayr al-Islāmiyyah*, Tahqīq Mahmud Muhammād al-Khuḍayrī, (al-Qāhirah: al-Dar al-Miṣriyyah Li al-Ta'lif Wa al-Turjumah, 1958), 5:24.

⁵⁷ al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 2:37.

⁵⁸ Ibid., 2:37.

⁵⁹ Ibid., 2:49.

⁶⁰ al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 2:50. 51.

⁶¹ al-Nashshār, *Nash'ah al-Fikr al-Falsafī Fi al-Islām*, 2:208.

⁶² al-Nashshār, *Nash'ah al-Fikr al-Falsafī Fi al-Islām*, 1:208, 209, Zuhdī Hasan Jār Allah, *al-Mu'tazilah*, (Qāhirah: Maṭba'ah Maṣr Sharikah Musahamah al-Miṣriyyah, 1947), h. 36-46.

⁶³ Yahyā Ḥashim Ḥasan Farghal, *Jawānib al-Tafsīr Fi al-'Aqidah al-Islāmiyyah*, 2:198.

⁶⁴ Ahmad Mahmūd Ṣubḥī, *Fi 'Ilm al-Kalām*, 58, 59.

⁶⁵ Muhammad al-Bahī, *al-Janib al-Ilāhi Min al-Tafsīr al-Islāmi*, (Qāhirah: Dār al-Kitāb al-'Arabī Li al-Tibā'ah Wa al-Nashr, 1967), h. 225.

⁶⁶ Ibid., h. 225.

⁶⁷ al-Nashshār, *Nash'ah al-Fikr al-Falsafī Fi al-Islām*, 1:151.

⁶⁸Ibid., 1:151.

⁶⁹al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1:87.

⁷⁰Yahyā Hashim Farghal, *Jawānib al-Tafsīr Fī al-^cAqīdah al-Islāmiyyah*, 2:265.

⁷¹Abū al-Hasan ^cAlī Ibn Ismā'īl al-Ash'arī, *Maqālat al-Islāmiyyah Wa Akhtilāf al-Musallīn*, Tahqīq, Muḥammad Muhy al-Dīn ^cAbd al-Hamid, 2 juz., (al-Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah, 1950), 1:26.

⁷²Yahyā Hashim Hasan Farghal, *Jawānib al-Tafsīr Fī al-^cAqīdah al-Islāmiyyah*, 2:266.

⁷³al-Nashshār, *Nash'ah al-Tafsīr al-Falsafī Fī al-Islām*, 1:287.

⁷⁴T.J. De Boer, *Tarikh al-Falsafah Fī al-Islām*, Terjemah oleh Muḥammad ^cAbd al-Hadī Abū Ridah, (Qahirah: Matba'ah Lujnah al-Ta'lif Wa al-Turjumah Wa al-Nashr, t.t.), h. 53.

⁷⁵Ibid., h. 57.

⁷⁶al-Shahrastānī, *al-Milal Wa al-Nihāl*, 1:46.

⁷⁷Ibid., 1:68.

⁷⁸Ibid., 1:67.

⁷⁹^cAli Ibn Ismā'īl Ibn Abi Bashr Ishaq Ibū Salīm al-Ash'arī, *Maqālat al-Islāmiyyīn*, Tahqīq Muḥammad Maḥy al-Dīn ^cAbd al-Hamid, (Qahirah: Maktabah al-Nahdah, 1950) 2:156.

⁸⁰Ibrahim Madkur, *al-Falsafah al-Islāmiyyah Manhaj Wa al-Tatbiqah*, 2 juz., (Qahirah: Dar al-Ma'arif, 1976), 2:26.